



**MAJLIS BANDARAYA IPOH**  
**PEKELILING KEWANGAN BIL. 01/2022**

Rujukan : Bil.( 35 )dlm.MBI.B1/12/2/12

Jabatan Perakaunan  
Majlis Bandaraya Ipoh

5 Oktober 2022

Setiausaha Bandaraya  
Pengarah-pengarah Kanan  
Semua Ketua Jabatan/ Unit  
Pembantu Tadbir yang berkaitan  
Majlis Bandaraya Ipoh.

Tuan/Puan,

**PENUTUPAN AKAUN UNTUK TAHUN 2022**

Dengan hormatnya saya memohon perhatian tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan mengenai tatacara yang perlu dipatuhi oleh Jabatan/Bahagian/Unit berkaitan penutupan akaun tahun kewangan berakhir 2022 bagi melicinkan proses penutupan dan membolehkan **Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022** dapat disediakan dengan lengkap dan sempurna serta tepat pada masanya.

3. Berhubung dengan perkara ini, dimaklumkan bahawa **semua pembelian untuk tahun 2022 (tahun semasa), hendaklah diselesaikan (bekalan/perkhidmatan/kerja) pada atau sebelum 30 Disember 2022 (Jumaat)**. Oleh yang demikian, tindakan berikut hendaklah diambil:-

**3.1. Jabatan/ Unit**

3.1.1 Mengemukakan Permohonan Pembelian (MBI 2/86) kepada Unit Belanja, Jabatan Perbendaharaan pada atau sebelum **30 November 2022 (Rabu) kecuali bagi bekalan-bekalan kecemasan (Nota 1)**. Permohonan Pembelian yang dikemukakan selepas tarikh ini tidak akan diterima.

*Nota 1:*

*Bekalan kecemasan bermaksud bekalan yang diperlukan segera dan tanpanya akan menjejaskan operasi dan perkhidmatan Majlis.*

# PEKELILING KEWANGAN BIL. 01/2022

## PENUTUPAN AKAUN UNTUK TAHUN 2022

- 3.1.2 Memastikan bekalan/perkhidmatan/kerja dapat disempurnakan **pada atau sebelum 30 Disember 2022 (Jumaat)**.
- 3.1.3 Jabatan/Unit perlu memastikan Pesanan Pembelian (*Local Order – MBI 1/86*) yang lengkap (**Bahagian C ditandatangani**) pada atau sebelum **30 Disember 2022 (Jumaat)** dan dikemukakan ke Unit Belanja, Jabatan Perbendaharaan selewat-lewatnya pada **5 Januari 2023 (Khamis)** untuk penyediaan **Baucar Bayaran**.
- 3.1.4 Memastikan **pembelian melalui Wang Runcit dibuat sehingga 12 Disember 2022 (Isnin)** dan tuntutan Wang Runcit bagi tahun 2022 dibuat sebelum atau pada **16 Disember 2022 (Jumaat)**.

### 3.2. Unit Belanja, Jabatan Perbendaharaan

- 3.2.1. Tarikh akhir penyediaan Pesanan Pembelian (*Local Order – MBI 1/86*) adalah pada **15 Disember 2022 (Khamis)** dan tiada Pesanan Pembelian akan dikeluarkan selepas tarikh tersebut.
- 3.2.2. Memastikan tarikh akhir terima bekalan/perkhidmatan/kerja di Pesanan Pembelian (*Local Order – MBI 1/86*) pada atau sebelum **30 Disember 2022 (Jumaat)**.
- 3.2.3 Mengeluarkan Baucar Bayaran bagi Pesanan Pembelian yang telah diterima dan mengembalikannya **pada atau sebelum 13 Januari 2023 (Jumaat)**.

4. Semua Jabatan/Unit juga dihendaki memastikan tarikh-tarikh akhir kepada perkara-perkara berikut dipatuhi:

Bil	Perkara	Tarikh Akhir (Pada Atau Sebelum)
i.	Baucar-baucar bagi bayaran berikut perlu disediakan dan dikemukakan kepada Unit Belanja, Jabatan Perbendaharaan untuk tindakan pembayaran : <ul style="list-style-type: none"><li>- Bayaran Balik Hasil dan Cagaran</li><li>- Bayaran melalui Kod Amanah</li><li>- Bayaran Pinjaman Anggota Majlis</li></ul>	<b>16 Dis 2022 (Jumaat)</b>
ii.	Mengemukakan baucar-baucar bayaran bagi perbelanjaan 2022 yang telah lengkap (Pengesahan Baucar) ke Unit Belanja, Jabatan Perbendaharaan untuk tindakan pembayaran	<b>13 Jan 2023 (Jumaat)</b>

# PEKELILING KEWANGAN BIL. 01/2022

## PENUTUPAN AKAUN UNTUK TAHUN 2022

Bil	Perkara	Tarikh Akhir (Pada Atau Sebelum)
iii.	Memastikan baucar <b>kerja kontrak</b> yang telah selesai dilaksanakan pada atau sebelum 30 Disember 2022 (Jumaat) dibayar dengan peruntukan tahun 2022 dan dikemukakan ke Unit Belanja, Jabatan Perbendaharaan.	<b>13 Jan 2023 (Jumaat)</b>
iv.	Memastikan Baucar-baucar Pembayaran yang di ' <b>query</b> ' dikemukakan semula kepada Unit Belanja, Jabatan Perbendaharaan untuk tindakan pembayaran	<b>27 Jan 2023 (Jumaat)</b>
v.	Tarikh akhir untuk mengemukakan <b>permohonan Pindah Peruntukan (Viremen)</b>	<b>30 Nov 2022 (Rabu)</b>
vi.	<p><b>Tarikh Akhir Menerima Bekalan</b> (Tarikh Pengesahan Di Bahagian C bagi Semua Pesanan Pembelian (MPI 1/86) yang telah dikeluarkan <b>dalam tahun 2022.</b> (Rujuk para 3)</p> <p><b>Nota:</b> <b>(Pembatalan Pesanan Pembelian serta-merta jika tidak dipatuhi)</b></p> <p>Walau bagaimanapun, jika Jabatan masih memerlukan bekalan/perkhidmatan/kerja tersebut, <b>Pesanan Pembelian yang baru hendaklah dikeluarkan dan dicajkan kepada peruntukan tahun 2023.</b> Untuk makluman, kegagalan bagi mematuhi Pekeliling Kewangan ini akan memberi implikasi kepada <b>peningkatan pembayaran AP58 / AP59</b> Majlis di masa akan datang.</p> <p>(Rujuk Arahan Kewangan Bil 13/2014 bagi Garis Panduan Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) [AP 58(a)] dan Arahan Perbendaharaan 59 [AP59] Bagi Majlis Bandaraya Ipoh.</p>	<b>30 Dis 2022 (Jumaat)</b>
vii.	Tarikh akhir <b>Permohonan Pendahuluan Diri / Pelbagai (Advance)</b>	<b>30 Nov 2022 (Rabu)</b>
viii.	Tarikh akhir <b>Pelarasan Pendahuluan Diri / Pelbagai (Advance)</b>	<b>15 Dis 2022 (Khamis)</b>
ix	Sebarang pengecualian kepada perkara-perkara di atas perlulah mendapat kelulusan <b>Pengarah Perbendaharaan Bandaraya</b> (Kecuali item vi).	

## **PEKELILING KEWANGAN BIL. 01/2022**

### **PENUTUPAN AKAUN UNTUK TAHUN 2022**

5. Sukacita dapat kiranya pihak tuan/puan memastikan anggota di Jabatan/ Unit tuan/puan **merancang lebih awal bagi mengelakkan penyerahan dokumen kewangan pada saat akhir** dan mematuhi tarikh-tarikh akhir yang ditetapkan. Sekiranya gagal berbuat demikian, pihak tuan/puan adalah bertanggungjawab ke atas sebarang masalah yang timbul berhubung dengan perkara ini.
6. Kerjasama tuan/puan adalah diharapkan bagi memastikan Penutupan Akaun Majlis Bagi Tahun Kewangan 2022 dapat dilaksanakan dengan jayanya. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian dimaklumkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“IPOH BESTARI SEJAHTERA”**

**“IPOH BANDAR RAYA TERBERSIH 2023”**

**“IPOH BANDAR RAYA PINTAR DAN RENDAH KARBON 2030”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' HAJI RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD. DPMP.,AMP.,PPT.)**

Datuk Bandar Ipoh

**“PERAK MAKMUR RAKYAT SEJAHTERA”**